

Raja dan rakyat masing-masing 2 sebarang tanggungjawab

Oleh PENULIS KHAS

'Dari pihak rakyat yang diwakili oleh Umno khususnya dan Barisan Nasional umumnya, menguatkan kedudukan Raja-Raja bukanlah kerana desakan atau pertimbangan politik yang oportunistik, terutama dalam iklim sedunia yang lebih banyak memperlihatkan kuasa Raja-Raja dihapuskan....'

SETELAH berlakunya Peristiwa 13 Mei 1969, Parlimen dalam tahun 1971 telah meluluskan akta meminda Perkara 10 Perlembagaan Malaysia mengenai kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan. Pindaan itu adalah untuk memberikan kuasa kepada Parlimen meluluskan pula undang-undang bagi mengenaikan sekatan bersuara dalam beberapa perkara tertentu.

Sekatan-sekatan itu adalah ke atas peribangan awam mengenai empat perkara yang dianggap 'sensitif' iaitu soal kewarganegaraan, kedudukan Melayu dan Bumiputera, Bahasa Kebangsaan dan kedaulatan Raja-Raja Melayu.

Perubahan yang tidak terbatas mengenai perkara-perkara ini sewaktu kempen pilihanraya umum tahun 1969 telah menimbulkan ketegangan dalam hubungan antara kaum hingga mencetuskan Peristiwa 13 Mei. Pindaan mengenaikan sekatan bersuara terhadap isu-isu sensitif itu dibuat demi memelihara kesejahteraan negara dari terancam oleh anasir-anasir yang sentiasa cuba memecahbelahkan masyarakat berbilang kaum di Malaysia dengan menimbulkan isu-isu itu.

Berkembang

Pada dasarnya, Perlembagaan yang telah digubah menjelang kemerdekaan pada tahun 1957 adalah hasil persetujuan dan tolok ansur antara semua golongan yang berkepentingan dalam masyarakat Tanah Melayu pada waktu itu. Ini termasuklah Raja-Raja Melayu, Kerajaan penjajah Inggeris dan pertubuhan-pertubuhan politik yang mewakili rakyat terbanyak dari semua kaum.

Perlembagaan itu tidak mungkin menjadi asas negara yang merdeka pada 31 Ogos 1957 kalau sekiranya persetujuan semua pihak yang berkepentingan itu tidak tercapai. Yang menjadi masalah kemudian ialah apabila peruntukan-peruntukan tertentu dipertika oleh golongan-golongan lain yang muncul kemudian.

Setelah dikaji segala faktor yang membawa kepada tragedi 13 Mei, nyata bahawa perbatasan yang tidak terbatas tentang perkara-perkara sensitif yang termaktub dalam Perlembagaan boleh menjelaskan ketenteraman awam. Apabila dikaji dan diteliti semula dalam keadaan tenang dan rasa keinsafan, pindaan Perlembagaan itu amatlah perlu bagi memulihkan keharmonian masyarakat supaya tidak ada pihak merasa terancam hak masing-masing.

Ada golongan yang apabila sahaja dikemukakan pindaan kepada Perlembagaan, akan menentangnyanya 'atas dasar prinsip'. Pada pandangan mereka sebarang pindaan kepada Perlembagaan negara adalah keterlaluan — seolah-olah masyarakat tidak berkembang dan Parlimen tidak boleh bertindak terhadap masalah-masalah baru yang muncul.

Kalau sekiranya para penganjur negara yang merangka Perlembagaan menjelang kemerdekaan boleh meremeng ke hadapan ke tahun 1969 misalnya — sudah tentu peristiwa 13 Mei boleh dielakkan. Tetapi ini mustahil. Begitulah juga halnya dengan pindaan-pindaan lain yang telah dilakukan; semuanya mengambil kira perkembangan yang tidak dilingini dari berulang.

Yang menyebabkan pindaan tahun 1971 itu perlu ialah sifat dan perasaan orang-orang Melayu sendiri. Dalam kempen pilihanraya 1969, yang paling menonjol ialah keghairahan golongan-golongan tertentu untuk menyingkirkan peranan orang-orang Melayu dengan mempersoalkan kedaulatan Raja-Raja mereka, bahasa mereka dan hak-hak mereka di tanahair mereka sendiri.

Salah satu kesimpulan besar golongan pembangkang bukan Melayu misalnya ialah tidak memahami perasaan orang Melayu apabila mempersoalkan perkara-perkara yang termasuklah hubungan rakyat Melayu dengan Raja-Rajanya, yang meliputi seluruh pandangan hidup orang Melayu.

Pandangan hidup ini seringkali disimpulkan dalam beberapa peribahasa yang terkenal. 'Rakyat Melayu menerhaka' adalah slogan yang penuh makna dalam kehidupan Melayu sejak dahulu kala. Tetapi slogan ini bukanlah menggambarkan bahawa kesetiaan itu diberikan dengan membuka-tuli, malah dengan penuh kesedaran terhadap prinsip keadilan dan saling bertanggungjawab antara yang memerintah lalu Raja dan yang diperintah lalu rakyat.

'Raja yang adil Raja disembah, Raja yang zalim Raja disanggah' adalah slogan yang membataskan kesetiaan rakyat Melayu. Sikap saling hormat menghormati akan tanggungjawab setiap orang dalam sistem kemasyarakatan Melayu ini digambarkan dengan jelas dalam Sejarah Melayu melalui perjanjian antara Sang Sapurba, yang melambangkan Raja Melayu, dan Demang Lebar Daun, yang melambangkan rakyat.

Kedaulatan

Secara ringkas, persetujuan antara Sang Sapurba dan Demang Lebar Daun itu adalah asas kenegaraan bangsa Melayu. Di satu pihak Raja berjanji akan memerintah dengan adil, sedangkan di satu pihak lagi rakyat berjanji akan memberikan taat setia kepada Raja yang adil. Sekiranya mana-mana pihak mengingkari atau menghinakan persetujuan itu tanpa hak, maka ancamannya ialah masyarakat itu akan menemui bencana.

Dalam sejarah orang-orang Melayu telah beberapa kali asas kenegaraan ini terancam. Yang menyelamatkan keadaan ialah kesedaran bahawa antara Raja dan rakyat mesti saling sokong menyokong. Sekiranya Raja tergamak untuk membelakangkan rakyat atau melakukan kezaliman, maka rakyat akan cepak bertindak, secara mengingatkan kembali tentang asas kenegaraan sejak dahulu kala itu tadi.

Begitu juga halnya, apabila dari kalangan rakyat terdapat watak seperti Hang Jebat atau Sang Rajuna Tapa, maka keadaan akan dipulihkan secara menegakkan kembali prinsip kedaulatan Raja, yang pada hakikatnya ialah kedaulatan negara dan rakyat yang mahukan kesejahteraan dan keda-

ulatan. Berdasarkan pandangan hidup yang bernilai maka orang-orang Melayu begitu terasingnya apabila kedaulatan Raja-Raja Melayu dipersoalkan oleh parti-parti pembangkang bukan Melayu dalam tahun 1969. Kerana kedaulatan Raja-Raja adalah juga kedaulatan rakyat bangsa Melayu. Dalam hal ini, terputus kepada orang-orang Melayu sendiri untuk menilai hubungannya dengan Raja-Raja mereka, dan bukannya urusan orang lain.

Dalam tahun 1946, tentangan orang Melayu terhadap usaha penjajah Inggeris mengenaikan perserutuan Unjion juga membuktikan prinsip 'kedaulatan Raja bermakna kedaulatan rakyat'. Walaupun pihak Raja-Raja Melayu telah menurukkan tanda-tanda mengaharungi gagasan itu dan menyerahkan banyak keistimewaan mereka kepada Raja Inggeris, orang-orang Melayu dengan serta-merta menyedari bahawa hak yang diserahkan itu adalah milik rakyat sebenarnya. Dan rakyat tidak segan silu bertindak untuk mengembalikan hak-hak yang hampir tergedai itu.

Hasil yang paling nyata dari kejayaan menentang Malayan Union ialah kedudukan Raja-Raja Melayu bertambah kuat. Ini tidak menghairankan kerana pada tahun 1946 ialah kekuatan dan perpaduan orang-orang Melayu berada pada puncaknya. Pindaan pada tahun 1971 juga mengukuhkan kedudukan Raja-Raja, kerana dengan lulus Akta Hausut, kedudukan mereka tidak boleh dipersoalkan lagi secara terbuka. Walaupun dalam mempertahankan undang-undang itu imej Barisan Nasional sebagai sebuah parti yang cintakan demokrasi dipertika, tetapi sokongan bulat orang-orang Melayu membolehkannya menghadapi sebarang tentangan dan kecaman pembangkang.

Pepatah

Jelaslah bahawa dalam setiap keadaan orang-orang Melayu mendapat kekuatan mereka memilih untuk melahirkan kekuatan itu dengan cara memperkuatkan kedudukan Raja-Raja mereka.

Dari pihak rakyat yang diwakili oleh Umno khususnya dan Barisan Nasional umumnya, menguatkan kedudukan Raja-Raja bukanlah kerana desakan atau pertimbangan politik yang oportunistik, terutama dengan sikap Umno dalam iklim sedunia yang lebih banyak memperlihatkan kuasa Raja-Raja dihapuskan, tetapi Umno tetap terus mempertahankannya.

Sebenarnya amat mudah bagi Umno mengikut arus semasa yang lebih bersifat popular ini. Tetapi apa yang popular bagi bangsa-bangsa lain ialah yang popular bagi orang-orang Melayu yang berpegangan kepada pepatah 'Biar mati anak, jangan mati adab'. Adat orang Melayu ialah membuktikan kesetiannya kepada Rajanya, yang bermakna negara dan bangsanya. Selagi semua pihak dalam sistem yang sendiri sendiri melakukan tugas dan tanggungjawab masing-masing, insya-Allah kekuatan masyarakat itu akan terpeliharakan. Dan akan terbukti kebenaran kata: 'la yang murut dilafazkan oleh Hang Tuah: 'Takkan Melayu hilang di dunia'.

Namun begitu, sejauh mana Umno dapat mempertahankan sikap ini dengan jaya dalam dunia Islam sejak beberapa tahun kebelakangan ini semakin menarik perhatian.

Gelombang

Di kalangan orang-orang Melayu sendiri, sejak akhir-akhir ini, telah muncul gelombang yang mempersoal 'asas kenegaraan' yang sudah ditamatkan dalam teraman itu. Golongan ini menafsirkan semula hubungan dengan Islam yang radikal, khususnya berdasarkan revolusi Islam yang berlaku di Iran pada tahun 1979.

Malah sebelum itu pun, di negara-negara yang penduduknya terdiri dari orang-orang puskun kedudukan Raja-Raja. Di Indonesia nasionalisme anti-penjajah. Begitu juga di Medua-dua negara itu diberi perhatian oleh orang-orang Melayu, mereka tidak terpengaruh oleh arus untuk meniru. Perhubungan yang bangsa Melayu menjamin kestabilan sistem masyarakat yang wujud di Tanah Melayu pada waktu itu.

Sebaliknya, dalam arus kehangkitan Islam sekarang, revolusi yang dilakukan atas

nama Islam di Iran telah berjaya sekurang-kurangnya untuk mempengaruhi segerakan orang-orang Melayu untuk memperjuangkan revolusi Islam yang serupa di Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam telah beberapa kali memberi amaran tentang kewujudan golongan ini, yang walaupun kecil jumlahnya, adalah mengancam sistem Raja Berperlembagaan yang disokong oleh Kerajaan yang berteraskan Umno. Seluruh orang Melayu harus memikirkan amaran ini kerana sebarang perubahan kepada sistem sekarang sudah pasti akan membawa gelombang yang sukar ditentramkan.

Sejarah membuktikan bahawa setiap revolusi memerlukan satu atau dua generasi sekurang-kurangnya untuk mencapai tahap kestabilan. Dalam tempoh itu, rakyat terbahayaklah yang terpaksa menempuh berbagai kesengsaraan dan pengorbanan.

Kepercayaan

Inilah yang cuba dilakikan oleh pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab. Mereka tidak akan sewenang-wenangnya menjerumuskan masyarakat yang dalam kancang pergolakan yang tidak akan menguntungkan sesiapa malah membawa kerugian pula kepada semua.

Dalam negara, Umno sahajalah yang berupaya menentang arus ini. Itu pun akan banyak bergantung kepada kewibawaannya mengendalikn sistem Raja Berperlembagaan yang begitu banyak membawa manfaat kepada negara.

Kedudukan di Malaysia sekarang tidaklah boleh disamakan dengan rejim Almarhum Reza Pahlavi yang moncutkan penentangan yang begitu hebat dari golongan ulama pimpinan Khomeini. Walaupun demikian, memang ada golongan yang sentiasa menentang dari alasan untuk mendapat pengaruh dan kekuasaan sehingga boleh mengungulkan sebuah takhta yang begitu gagah dan berkuasa.

Golongan ini tidak akan teragak-agak untuk menggunakan setiap mualliat untuk menepati tujuannya. Di sinilah letaknya tanggungjawab Kerajaan dan masyarakat yang cintakan keharmonian untuk menubuh setiap peluang yang boleh digunakan oleh golongan pelampau demikian bagi cuba menghinakan kepercayaan orangrامل terhadap sistem pemerintahan yang ada.

Contoh yang baik diarah ialah sistem Raja Berperlembagaan di Britain dan Jepun. Di kedua-dua negara yang terpaksa mengalami pelbagai pergolakan politik dan masyarakat, sistem beraja telah dapat dilekalkan.

Apakah rasiannya yang membolehkan Raja-Raja Inggeris terus disanjung dan dikasihni rakyatnya sedangkan banyak negara Eropah yang lain sudah menjadi republik? batas kedudukan dan tanggungjawab mereka seperti yang ditentukan oleh adat dan Perlembagaan. Ratu Elizabeth Kedua misalnya tidak pernah melangkah melampaui batas bagi pihak diri baginda, melainkan semuanya itu adalah dasar Kerajaan yang ditentukan oleh Parlimen dan Kerajaan parti yang memerintah.

Ini tidak bermakna bahawa baginda tidak boleh merapatkan diri dengan rakyat melalui tugas rasmi dan kebiasaan. Tetapi adalah bidang kuasa waki-waki yang ditugaskan demi menjaga keluhuran Perlembagaan.

Teladan inilah yang wajar dipertimbangkan, agar rakyat dapat menentukan masa depan politiknya tanpa menjejaskan kestabilan. — Bernama.

BH/BN/OS/DAI/AMK/ Negeri Malaysia